

# INFOKUS

UMT

JUN 2015 | Bil. 51  
www.umt.edu.my



Prof. Dato' Dr. Nor Aieni  
Haji Mokhtar

**Naib Canselor UMT**  
*yang baharu*

Dialog Bahasa  
Melayu  
Nusantara


Pelancaran IQRA'  
Satu Perjalanan

ISSN 1675-2139



9 771675 213002

**TERKINI  
DIPASARAN**



# **IQRA'** Satu Perjalanan

**Pengarang : Noraien Mansor**  
**Tahun Terbit : 2015**  
**Terbitan : Penerbit UMT**  
**Harga : RM130.00**

**RM130**

*IQRA' SATU PERJALANAN* memaparkan penerokaan kegemilangan pendidikan yang menjadi kecintaan YB Dato' Seri Idris Jusoh melalui pengalaman dan penglibatan beliau dalam pendidikan sepanjang hayat, *IMTIAZ School of Excellence* serta usaha murni beliau menerapkan konsep Ulul Albab demi memburu keseimbangan antara pembangunan akademik dan akhlak pelajar.



# Sidang Redaksi

## Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar

## Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Mohd. Effendy Abd. Wahid

## Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraïen Mansor

## Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman  
Mohd Izham Mohd A. Wahid  
Harisom Anida Musa

## Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah

## Pembaca Prof

Nor Hafizah Arifin

## Jurufoto

Mokhtar Ishak  
Muhamad Adli Hashim  
Krew Produksi

# Kandungan

- 6 Mengenal  
Naib Canselor UMT yang Baharu
- 8 Wawancara bersama  
YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar  
Naib Canselor UMT
- 12 Program Sepetang bersama  
Naib Canselor Baharu UMT
- 14 *IQRA' Satu Perjalanan*  
dilancar Penuh Meriah
- 19 Perasmian Pusat Islam UMT
- 22 Dialog Bahasa Melayu Nusantara
- 26 Tambatan Mesra Kampus Tangani  
Banjir dan Hakistan
- 28 Ekspedisi Sainifik UMT:  
Selat Melaka 2015
- 32 "*Make It Happen*"  
PPPA Usahakan, UMT Capai Tier 5
- 35 Pertukaran Pelajar antara UMT  
dengan Taylor's University
- 37 Kenal Pasti *Greenpreneur* Komuniti  
Pinggir Tasik Kenyir 2015
- 38 Kejohanan KPM@UMT *Triathlon* 2015 Bersukan  
dan Dekati Alam Semula Jadi
- 39 Renungan







## *Secangkir Kata*

*Sebermula kisah Uda dan Dara  
Cinta sejati sehati sejiwa  
Bicara kata madah kesuma  
Bagai kandil menerangi maya*

**A**ssalamualaikum, Salam 1Malaysia dan Salam Perpaduan. Syukur Alhamdulillah kerana kita masih diizinkan-Nya untuk bertemu dalam INFOKUS UMT edisi JUN 2015. Terima kasih kepada seluruh warga pembaca setia dan rakyat Malaysia kerana masih bersama kami.

Kehidupan ini penuh dengan pelbagai dugaan dan cabaran. Sebagai insan yang kerdil di bumi Allah, kita hanya mampu merancang tetapi Dia yang menentukan segalanya. Ketentuan Ilahi telah mengutuskan Universiti Malaysia Terengganu menerima Naib Canselor wanita yang pertama bukan sahaja di UMT malah di Pantai

Timur Semenanjung Malaysia. Sidang redaksi mengucapkan syabas dan tahniah kepada YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar yang telah dilantik untuk menerajui UMT meneruskan kesinambungan kecemerlangan dalam usaha mentransformasikan prestasi pendidikan mendaki tahap yang lebih membanggakan di peringkat lokal dan global. Harapan kami seluruh warga UMT agar keberadaan YBhg. Dato' akan terus menjadi pemangkin dalam memartabatkan budaya kecemerlangan dan keikhlasan bekerja demi untuk mendapat keberkatan dan keredaan Yang Maha Esa.

**PROFESOR MADYA DR. NORAIEN MANSOR**

## Sekapur Sirih



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam 1UMT.

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang, Selawat dan Salam ke atas Junjungan Nabi Muhamad SAW kerana dengan limpah kurniaNya terbitan Majalah INFOKUS UMT edisi Jun 2015 dapat direalisasikan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Penerbit UMT kerana memberi saya ruang dan peluang bagi mencoretkan sepetah dua kata dalam majalah ini.

Pada peringkat awal khidmat saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), saya akan memantapkan hala tuju melalui penambahbaikan organisasi pengurusan dan meningkatkan jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan sebagai agenda yang akan difokuskan oleh universiti. Sejalan dengan kedudukan UMT yang dikelilingi oleh pelbagai

kelompok komuniti setempat, kita harus mengambil peluang tersebut sebagai cabaran dan juga ruang untuk bersama-sama menyumbang ilmu dan kepakaran kepada masyarakat.

Justeru itu, saya meletakkan harapan yang besar dan mengharapakan kerjasama jitu tanpa berbelah bagi dari semua warga universiti serta sepakat kata untuk bersama-sama mengharungi segala rintangan dan juga ruang dalam memacu Universiti Malaysia Terengganu ke arah yang kita impikan sejajar dengan Transformasi Pendidikan Pengajian Tinggi dan juga Transformasi Strategik UMT.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak semua warga universiti bersama-sama saya dalam menggembelng kudrat serta pemikiran

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR**

Naib Canselor UMT

*Mengenali*  
**NAIB CANSSELOR UMT**  
yang baharu

---

**YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni  
binti Haji Mokhtar**





# Wawancara bersama

## YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor  
Pengerah Penerbit UMT

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melantik YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mohktar sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkuat kuasa pada 13 April 2015. Beliau menggantikan YBhg. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo yang telah tamat tempoh lantikan setelah tiga tahun memegang jawatan tersebut.

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mohktar sebelum ini adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT. Pelantikan beliau telah mencipta sejarah yang tersendiri dengan menjadi Naib Canselor wanita pertama Universiti Awam di wilayah Pantai Timur. Semoga dengan pelantikan ini, beliau akan dapat memacu UMT menjadi sebuah Universiti Awam yang unggul.

*"Ikhlās Wajahmu Mengukir Senyuman,  
Jasa Bakli Ditabur Setulus Hati  
Selamat Datang Kami Ucapkan  
Semoga Maju Bersama UMT"*

Ikutilah wawancara INFOKUS UMT bersama YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mohktar bagi menyelami perasaan dan perancangan serta hala tuju beliau selepas dilantik sebagai Naib Canselor UMT.

**INFOKUS UMT:** Apakah perasaan YBhg. Profesor Dato' apabila dilantik sebagai Naib Canselor wanita pertama Universiti Malaysia Terengganu?

**YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar :**

Alhamdulillah, syukur terhadap segala ketentuan dan nikmat Allah SWT yang dianugerahkan terhadap hamba-Nya. Segala pujian bagi Allah SWT dan junjungan Rasulullah Nabi Muhammad SAW.

Dengan rendah hati saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas pengiktirafan,

kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk saya menerajui dan menjulang nama UMT. Sesungguhnya pengiktirafan dan amanah yang diberikan ini adalah amat besar dan begitu hebat cabarannya. Insya-Allah, dengan usaha gigih, semangat kerjasama dan mengutamakan organisasi akan memberi kekuatan kepada diri saya dan warga universiti supaya dapat bergerak mantap seiring dengan perancangan dan pelaksanaan Pelan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi), 2015-2025 yang telah digariskan.

**INFOKUS UMT:** Apakah fokus utama yang akan YBhg. Profesor Dato' laksanakan sebagai Naib Canselor UMT?

**YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar :**

Fokus utama saya adalah untuk memperkemas struktur governans dan memperkasakan sistem sedia ada melalui penjajaran dan pengemblengan pasukan yang mantap antara pengurusan tertinggi dengan Pusat-pusat Pengajian, Institut-institut Penyelidikan serta Pusat Pendidikan. Perkongsian visi dan misi serta peningkatan



perpaduan yang utuh bertindak sebagai satu pasukan.

Pasukan Mesyuarat Pengurusan UMT dan Lembaga Pengarah Universiti berganding bahu memberi hala tuju strategik dan pengurusan UMT pula secara muafakat akan melihat kepada keperluan khusus para pelajar, bakat akademik dan staf sokongan serta pelbagai pihak berkepentingan. Contohnya pemantapan di dalam pengumpulan, pengurusan data dan sebaran maklumat kepada pihak pemegang taruh. Fokus juga terhadap penghargaan nilai yang tinggi terhadap apa yang sedia ada mengoptimalkan keupayaan dalaman, kemandirian, kemampunan atau kelestarian kewangan dan keusahawanan.

Sesungguhnya kita amat bertuah dan bagi saya aspek penekanan inovasi atau nilai tambah untuk UMT terdiri dari 3E iaitu:

### 1. *Endowment*

Memberi fokus dan nilai yang tinggi terhadap apa yang sedia ada, mengoptimalkan keupayaan dalaman, kemandirian, kemampunan atau kelestarian kewangan dan keusahawanan.

Segala sistem nilai-nilai, nilai sumber UMT dan kedudukan sebagai IPT berstatus 5 dan berautonomi, modal insan berintelektual, staf pengurusan dan profesional yang berintegriti dan berwibawa, pelajar yang holistik, komuniti yang cakna, rakan kongsi yang prihatin, kenalan ramai dan hubungan dengan pihak pemegang taruh dalam dan luar negara yang memberangsangkan, lokasi kampus yang mencabar dan unik serta berpaksikan, pelan strategik dan pelan transformasi UMT (2013-2017), Transformasi Terengganu Baharu (2015-2020) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)[2015-2025].

**“...setiap individu warga UMT penting memainkan peranan masing-masing dalam status UMT menerima mandat sebagai universiti berautonomi yang menekankan terhadap governans, modal insan, kualiti akademik dan kelestarian kewangan”.**

Dalam hal ini, setiap individu warga UMT penting memainkan peranan masing-masing dalam status UMT menerima mandat sebagai universiti berautonomi yang menekankan terhadap governans, modal insan, kualiti akademik dan kelestarian kewangan.

Dengan ini Kumpulan Transformasi Strategik dan Risiko (TSR) akan kekal menjadi kumpulan kerja dasar utama di Canselori.

### 2. *Excellence – Kecemerlangan*

Kepimpinan ilmu di peringkat antarabangsa serta mengarusperdanakan pemikiran dan ketokohan yang melangkaui sempadan memberi tindakan strategik sejajar dengan UMT sebuah universiti berfokus dalam ilmu kelautan dan sumber akuatik. Namun kepimpinan yang terserlah dalam keusahawanan menghadapi cabaran dan penerokaan cabaran baharu bagi menjana reputasi yang tinggi.

BAKAT kecemerlangan Akademik – *future leaders in academia* (kerjasama dengan AKEPT). Fokus adalah kepada penyampaian: Pengajaran, Penyelidikan-Inovasi dan Pengkomersialan, Perundingan, Pentadbiran, Pemindahan Teknologi, Perkhidmatan Iktis dan Masyarakat.

Sehubungan dengan ini jawatan TNC (Akademik dan Antarabangsa) akan disegerakan

pengisian bagi pengganti saya di mana penekanan terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang berkualiti adalah antara agenda utama di bawah Pelan Strategik UMT.

### 3. *Efficiency – Kecekapan*

Memperkuatkan sistem struktur governans melalui penajajaran dan penggemblengan pasukan yang mantap, perkongsian visi dan misi serta perpaduan yang utuh sebagai satu famili. Mesyuarat Pengurusan UMT dan Lembaga Pengarah Universiti berganding memberi hala tuju strategik.

Saya tidak bercadang melakukan perubahan struktur governans secara sekali gus tetapi pihak pengurusan tertinggi UMT secara muafakat perlu melihat kepada keperluan khusus yang melibatkan para pelajar, tenaga akademik dan staf sokongan serta pelbagai pihak berkepentingan. Memperbanyakkan dan memperkuatkan program kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan.

### **Pemantapan Pusat Pengurusan dan Pembangunan Akademik & Jabatan Pengurusan Akademik**

Kejayaan sesebuah universiti diukur berdasarkan aspek kecemerlangan akademik melalui penawaran dan penyampaian program-program prasiswazah dan pengajian pascasiswazah. Untuk itu, pihak pengurusan universiti akan mewujudkan semula Pusat Pengajian Siswazah bagi memastikan penyelarasan program pascasiswazah di pusat pengajian yang akan melibatkan pelajar antarabangsa.

### **Mewujudkan Kembali Pusat Hubungan Antarabangsa**

Cadangan penubuhan semula Pejabat Antarabangsa adalah hasil daripada pembentangan Pengarah Pejabat

Jaringan Antarabangsa berkenaan fungsi Pejabat Jaringan Antarabangsa dan isu yang dihadapi dalam pengurusan pengantarabangsaan selepas penstrukturan daripada Pusat Antarabangsa kepada Pejabat Jaringan Antarabangsa. Selain itu, dalam perbincangan Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa yang lalu, ahli mesyuarat sependapat tentang kepentingan agar mewujudkan semula “one stop centre” seperti Pusat Antarabangsa untuk menguruskan hal ehwal pengantarabangsaan universiti.

Pembangunan program dan memenuhi kehendak industri juga penekanan di dalam konsep inovasi, keusahawanan dan pengkomersialan hasil R & D. Sasaran kita untuk meningkatkan status di dalam MyRA, Rakan Kongsi Strategik, industri dan komuniti.

Peranan universiti boleh digerakkan secara timbal-balik mengikut kesesuaian terutamanya untuk peningkatan minda kelas pertama, kepimpinan, keusahawanan (*attachment program*) untuk staf dan pelajar (latihan industri) dan perkhidmatan masyarakat (*community engagement*) - Universiti disarankan untuk menubuhkan Pusat Jaringan Komuniti (*University-Community Engagement Centre*).

Universiti Awam (UA)-Universiti Swasta (US), UMT-UA, UMT dan industri, agensi, kementerian, Universiti luar negara. MoU akan diperkemas.

### **Program Kerjasama Strategik dengan Institut Pengajian Setempat**

Kuala Terengganu amat bertuah kerana mempunyai dua buah UA yang berjiran di samping dengan institut perguruan dan institut teknikal Petronas. UMT bercadang untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan UniSZA, IPG dan INSTEP bagi mewujudkan pusat sehati pelajar di kawasan Kuala

**“UMT seharusnya menerajui program pemindahan ilmu dan aktiviti khidmat masyarakat di negeri Terengganu. Kepakaran serta kekuatan bidang tujahan UMT seharusnya dikembalikan kepada masyarakat sekitar dengan pelbagai program khidmat masyarakat yang berwawasan melalui program-program inovasi sosial”.**

Nerus. Ini merupakan satu usaha bagi memreplikakan daya tarikan kepada para pelajar sekolah bagi meneruskan pengajian tinggi di negeri Terengganu.

Memperbanyakkan serta memperkukuhkan program pemindahan ilmu dan aktiviti khidmat masyarakat. UMT seharusnya menerajui program pemindahan ilmu dan aktiviti khidmat masyarakat di negeri Terengganu. Kepakaran serta kekuatan bidang tujahan UMT seharusnya dikembalikan kepada masyarakat sekitar dengan pelbagai program khidmat masyarakat yang berwawasan melalui program-program inovasi sosial. TNC P & I perlu memainkan peranan dengan lebih efisien dalam usaha menerajui program tersebut.

### **Kerjasama Erat dengan Pihak Kerajaan Negeri**

Hubungan dengan pihak kerajaan negeri Terengganu perlu dipereratkan lagi bagi mewujudkan jalinan kerjasama yang dapat memberikan situasi menang-menang antara UMT dan kerajaan negeri Terengganu. Untuk itu, saya menyeru kepada semua pihak agar dapat mewujudkan program/aktiviti kerjasama dengan pelbagai pihak di peringkat kerajaan negeri Terengganu.

### **Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar perlu diwujudkan kembali bagi memberi lebih ruang dan peluang kepada para pelajar untuk terlibat dalam program-program bersifat holistik. Bahagian Sukan dan Rekreasi, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian dan Bahagian Hal Ehwal Islam dan Kerohanian kita akan pastikan *champion* bagi program-program dan aktiviti pelajar supaya dapat berjalan dengan lancar.

Alumni akan memainkan peranan dengan lebih kukuh bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar. Contohnya, Program *Survival* Laut dan Penghayatan Warisan. Program ini perlu digerakkan kembali. Adalah amat penting bagi program *survival* laut ini diberi nafas baharu yang kebelakangan ini dilihat hilang dari citra UMT.

### **Kemudahan Kesihatan kepada Semua Warga**

Dalam memastikan kelangsungan serta pemacuan universiti dapat berjalan dengan lancar, aspek kesihatan kepada semua warga universiti perlu diambil berat dan dilihat kembali keberkesanan pelaksanaannya sebelum ini. Sudah sampai masanya kemudahan kesihatan kepada semua warga dikembalikan kepada asalnya.

### **Pemeriksaan Pusat Kaunseling dan Kerjaya**

Dua tahun kebelakangan ini, UMT mengalami penurunan serta kemerosotan peratusan dari segi kebolehpasaran graduan, bagi tahun 2013 dan 2014 dan kita amat ketinggalan berbanding dengan universiti jiran. Hasil daripada beberapa perbincangan yang telah dilakukan sebelum ini didapati penurunan peratusan berlaku kerana beberapa faktor dan antara faktor

utama yang dapat dikesan ialah kurangnya khidmat kaunseling kerjaya daripada kaunselor universiti. Untuk itu, TNC HEPA perlu melihat kembali kekuatan kaunselor universiti serta diberi lebih peranan dalam pemerksaan serta diletakkan di bawah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang sepatutnya.

Memperbanyakkan program berbentuk jalinan ukhwh antara pihak pengurusan universiti dengan warga universiti. Menghidupkan kembali Program Gerak Ceria. Program pertemuan secara santai antara pihak pengurusan dengan semua warga universiti perlu dihidupkan kembali sebagai wadah kemesraan.

Menjadikan sambutan Hari Kelautan Sedunia dan Konvokesyen sebagai karnival utama di dalam kalendar warga UMT.

### Seliaan Canselor

Projek pembangunan kelestarian Kampus Induk Mengabang Telipot, Kampus Baharu Bukit Kor dan Pusat Komunikasi Strategik di Ayer@8, Putrajaya menjelang RMK11 (2016-2020) – PPH, Bendahari.

### Transformasi Minda

Agenda transformasi UMT telah dilaksanakan sejak tahun 2012 bertujuan untuk menjadikan UMT sebuah universiti yang dinamik dan terus relevan seiring dengan peredaran zaman.

Lima agenda transformasi yang telah diperkenalkan sebelum ini, Transformasi Governans, Transformasi Akademik, Transformasi Pelajar, Transformasi Penyelidikan dan Inovasi dan Transformasi Kelestarian Kewangan merupakan idea yang relevan dengan aspirasi baharu pembangunan pendidikan tinggi negara dan untuk memacu kecemerlangan universiti sebagai

**Hijrah Minda akan mengukuhkan perpaduan seluruh warga UMT, memupuk semangat kebersamaan yang dapat menyemai rasa cinta dan keempunyaan terhadap UMT, membentuk kesepakatan yang jitu di dalam merancang, membuat keputusan seterusnya melaksanakan perancangan ke arah kegemilangan bersama.**

sebuah gedung ilmu. Bagaimanapun, keberkesanan sesebuah agenda transformasi amat bergantung kepada sokongan, komitmen dan penghayatan dari segenap lapisan pengurusan.

Untuk memastikan pelaksanaan transformasi yang berkesan, saya mencadangkan kita bersama memulakan agenda transformasi asas berbentuk anjakan, lonjakan atau hijrah minda.

Hijrah minda merupakan perubahan pemikiran dalam menyokong idea baharu, kesediaan menerima cabaran dan kritikan secara positif seterusnya meningkatkan usaha ke arah meningkatkan kecemerlangan.

lanya peralihan atau perubahan daripada sesuatu keadaan atau lingkungan fikiran kepada keadaan atau lingkungan pemikiran baharu yang lebih baik tentang pentingnya kita memikir, merancang dan mengambil tindakan yang strategik secara bersama.

Hijrah Minda akan mengukuhkan perpaduan seluruh warga UMT, memupuk semangat kebersamaan yang dapat menyemai rasa cinta dan keempunyaan terhadap UMT, membentuk kesepakatan yang jitu di dalam merancang, membuat keputusan seterusnya melaksanakan perancangan ke arah kegemilangan

bersama. Ibarat pepatah; “*Bulat air kerana pembetung, bulat tekad kerana muafakat*”. Keharmonian minda di kalangan warga menjadi tunjang untuk memastikan visi dan misi UMT tercapai.

Hijrah minda bukan bermakna kita perlu menghapuskan pegangan, kepercayaan dan pemikiran kita selama ini secara total. Sebaliknya lonjakan minda menuntut kita menyemai pemikiran yang lebih kreatif, inovatif dan produktif, melahirkan staf bermotivasi, ikhlas, positif dan berfikiran terbuka serta menghormati kepelbagaian kepakaran dan keserakanan.

Kesemua hasil di atas akan membawa seluruh warga agar lebih memahami, menghayati seterusnya bersatu hati menerima perubahan, menyokong transformasi seterusnya memastikan UMT terus dinamik dan relevan seiring kemajuan negara.

**INFOKUS UMT:** Apakah pesanan dan harapan YBhg. Profesor Dato’ terhadap seluruh warga UMT?

### YBhg. Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar:

Saya mengharapkan kerjasama berpasukan yang lebih erat dan jitu dari semua peringkat pengurusan universiti dalam usaha mengembalikan suasana kesepakatan dan budaya kerja dalam ekosistem inovasi yang lebih bersemangat untuk memacu UMT ke arah kecemerlangan, relevan di peringkat nasional dan global. Dalam membuat sesuatu keputusan dalam membawa universiti ke hadapan, saya mengharapkan semua pendapat dari semua peringkat warga universiti dalam memberi idea dan tenaga agar kejayaan yang diraihkan nanti adalah hasil kerjasama sepakat secara musyawarah.

Sesungguhnya dan Insya-Allah, usaha kerja secara musyawarah dalam suasana penuh keikhlasan.





# Program Sepetang Bersama Naib Canselor Baharu UMT

Setelah terhenti lebih tiga tahun, Program Gerak Ceria kini kembali lagi bersama kepimpinan Naib Canselor UMT yang baharu, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar. Warga UMT berkumpul bersama-sama di Dewan Sultan Mizan untuk bersama-sama bersenam dalam melakukan aktiviti Jom Sihat bersama Naib Canselor pada 6 Mei 2015 baru-baru ini dan ia dinamakan Program Sepetang Bersama Naib Canselor.

Program seumpama ini sebenarnya pernah menjadi program rutin bulanan warga UMT sejak zaman KUSTEM lagi. Semasa program ini dijalankan, warga UMT berkesempatan berkumpul mendengar amanat bulanan Naib Canselor, bersenam bersama demi merapatkan ikatan silaturrahim. Kesibukan masing-masing dengan rutin tugas harian menghalang

kepada warga UMT untuk saling bertemu setiap masa, peluang menghadiri Program Gerak Ceria ini mendapat platform terbaik buat warga UMT untuk bertemu dan bersua muka antara satu sama lain.

Naib Canselor UMT dalam ucapannya kepada warga UMT menyatakan rasa syukur atas amanat yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerajui dan menjulang kepimpinan UMT. Beliau menganggap pelantikan ini sebagai amanah besar dan cabaran baharu kepada dirinya. Beliau menyeru kepada semua warga UMT untuk memberikan kerjasama berpasukan yang lebih erat dan jitu dari semua peringkat universiti dalam usaha mengembalikan kesepakatan dan budaya kerja dalam ekosistem inovasi yang lebih bersemangat untuk memacu UMT ke arah kecemerlangan, relevan di peringkat nasional dan global.

Beliau akan menterjemahkan amanah yang diberikan secara berhemah dengan mengumpul maklumat mencukupi sebelum merangka strategi untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran UMT. Beliau akan memberikan beberapa keutamaan terhadap lonjakan kualiti, bakat dan kecemerlangan, kebajikan pelajar dan juga staf.

Naib Canselor UMT juga telah melancarkan program "Jom Sihat UMT" anjuran Pusat Kesihatan Pelajar. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada pemilik-pemilik kafetaria di UMT yang memenangi pertandingan kafetaria terbersih.

Program Sepetang Bersama Naib Canselor ini diakhiri dengan acara YBhg. Dato' Naib Canselor bersama warga UMT bersenam beramai-ramai.



YBhg. Dato' Naib Canselor bersenam bersama warga UMT.



YBhg. Dato' Naib Canselor menyampaikan hadiah kepada pemenang kafeteria terbersih anjuran Pusat Kesihatan Pelajar UMT.



Jom sihat dan bersenam!




Sebahagian warga UMT yang mendengar amanat yang disampaikan oleh Naib Canselor UMT.





# IQRA' Satu Perjalanan dilancar penuh meriah

oleh: Prof. Madya Dr. Noraien Mansor | Penerbit UMT



Industri buku negara menghambat kesuraman dalam menghasilkan penerbitan ilmiah dalam kalangan Universiti Awam dan swasta. Justeru dalam usaha untuk menyahut seruan kerajaan yang memerlukan industri buku negara menyusuri transformasi khusus untuk mencapai hasrat mengangkat industri kreatif tanah air menembusi pasaran global, Penerbit UMT sekali lagi telah berjaya menghasilkan buku mewah yang bertajuk **IQRA' SATU PERJALANAN**. Syukur Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadirat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya memberikan saya kekuatan dan keupayaan untuk menyempurnakan buku **IQRA' SATU PERJALANAN**. Iqra' yang membawa maksud "Bacalah" bukan sekadar membaca tetapi membawa

kita menyelami hingga ke dasar maksud yang diperintah oleh Allah SWT agar manusia serius menuntut dan memperoleh ilmu sebagai satu tanggungjawab dan kewajipan. **IQRA' SATU PERJALANAN** memaparkan penerokaan kegemilangan pendidikan yang menjadi kecintaan YB Dato' Seri Idris bin Jusoh melalui pengalaman dan penglibatan beliau dalam pendidikan sepanjang hayat, *IMTIAZ School of Excellence* serta usaha murni beliau menerapkan konsep Ulul Albab demi memburu keseimbangan antara pembangunan akademik dan akhlak pelajar.

Paparan enam bab mewarnai pengalaman YB Dato' Seri Idris bin Jusoh dalam bidang pendidikan yang tiada noktahnya dalam kehidupan beliau. Bab Satu memulakan bicara dengan memaparkan latar belakang

YB Dato' Seri Idris bin Jusoh diikuti dengan pengalaman beliau dalam pembelajaran sepanjang hayat dalam Bab Dua. Menjana Ilmuwan Ulul Albab diperjelaskan dalam Bab Tiga. Bab Empat memfokuskan kepada Idris Jusoh sebagai Menteri Pendidikan II Malaysia. Gambaran berkaitan sekolah Imtiaz dirungkai dalam Bab Lima. Bab Enam pula menjadi penutup bicara dengan memeterai gambaran Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan konsep Ulul Albab.

Majlis Pelancaran buku yang bersejarah ini telah diadakan pada tanggal 7 April 2015 bertempat di Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur oleh YBhg. Tan Sri Samsudin Osman, Pro-Canselor Universiti Malaysia Terengganu. Tetamu kehormat yang diraikan pada malam tersebut ialah





Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman menyempurnakan majlis pelancaran Buku Iqra' Satu Perjalanan bersama YB Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Zaharudin Idrus dan Pengarang Buku merangkap Pengarah Penerbit UMT, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor.

Pengarang buku Iqra' Satu Perjalanan, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor bersama YBhg. To' Puan Che Kamariah Zakaria, YB Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Idris Jusoh dan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar.







*Tetamu kehormat di meja utama.*

YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan II dan To' Puan Seri Che Kamariah Zakaria. Objektif utama penerbitan buku ***IQRA' SATU PERJALANAN*** ialah bagi mempromosi Universiti Awam sebagai pusat penyebaran ilmu dengan menerbitkan karya-karya ilmiah dalam usaha memperkasa 'modal insan' ke arah Malaysia sebagai negara maju.

Turut dilancarkan pada malam tersebut ialah hasil karya ilmiah Penerbit UMT sepanjang tahun 2014. Penerbit UMT telah berjaya menerbitkan sebanyak 50 judul penerbitan yang merangkumi buku teks, buku karya asli, buku mewah, monograf dan jurnal. Antara tetamu kehormat yang hadir ialah Yang Dipertua Dewan Undangan Terengganu, YB Dato' Haji Zubir



*Pro-Canselor UMT, YBhg. Tan Sri Samsudin Osman menyampaikan koleksi buku yang disumbangkan oleh Penerbit UMT kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri-negeri yang dilanda musibah banjir pada penghujung tahun 2014.*



bin Embong, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT, Tan Sri Datuk Dr. Zaharudin bin Idrus, Timbalan-timbalan Naib Canselor UMT dan IPTA, Pengarah-pengarah Penerbit Universiti Awam dan juga ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, Pegawai-pegawai Utama dan Kanan UMT dan ahli-ahli akademik UMT.

Tiada ucapan kata seindah bicara, hanya kalungan jutaan terima kasih atas keizinan dan sokongan padu YB Dato' Seri Idris bin Jusoh, Menteri Pendidikan II serta kerjasama erat semua individu dan organisasi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang amat saya hargai dan sanjung tinggi dalam menjayakan penerbitan buku ini.

Harapan saya agar buku yang bersejarah ini dapat dijadikan panduan dan rujukan khusus warga pendidik dan seluruh rakyat Malaysia demi mengejar harapan untuk memartabatkan bidang pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Pada majlis tersebut juga menyaksikan keprihatinan UMT dalam menangani isu negara. Tahun 2014 meninggalkan seribu kepahitan yang sukar untuk kita mendepaninya, kepahitan global yang mengukir nama Malaysia di pentas dunia. Musibah banjir yang boleh ditafsirkan sebagai tsunami kecil membawa seribu persoalan yang menghimpunkan seribu hikmah daripada Yang Maha Esa. UMT telah bermurah hati menyampaikan sumbangan derma buku sebanyak 1500 naskhah kepada perpustakaan negeri-negeri yang terlibat menjadi mangsa banjir iaitu Perpustakaan Negeri Terengganu, Pahang dan juga Kelantan. Setiap perpustakaan akan menerima sejumlah 500 naskhah buku terbitan UMT.



*Pelajar-pelajar Sekolah IMTIAZ Besut yang mengadakan persembahan Dikir Arab bergambar kenangan bersama Menteri Pendidikan II, YB Dato' Seri Idris Jusoh.*



*Antara persembahan yang menghiburkan tetamu.*



# IQRA'

*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk,  
Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan,  
Dari pena dan tulisanlah bermulanya pengembaraan ilmu,  
Terbinanya asas-asas keimanan dan terbitnya sinar-sinar ketamadunan,*

*Sebuah perjalanan yang mengharungi getir,  
Meranduk seribu satu kepayahan, menongkah pelbagai kerumitan,  
Bangku kayu dan papan batu, menjadi saksi bermulanya satu perjalanan,  
Merangkak mencari sebuah makna kehidupan,  
Meneroka, menggali dan memahami suatu permata yang dinamakan...ilmu,*

*Dari Timur ke Barat ilmu ditimba, dari Utara ke Selatan ilmu diperkasa,  
Lautan nan luas direntas, tanah asing dipijak, langkah dihayun,  
Membawa satu semangat yang tidak luntur*

*Bersandarkan kemasyhuran ilmuwan Islam, buah fikiran dicerna  
lalu dizahirkan imtiaz,  
mempertaruhkan anak bangsa ashabul kahfi menjadi gelaran,  
Komposisi pendidikan Timur dan Barat adunan Azhar dan Harvard,  
Menjadi medan harapan melahirkan generasi Ulul Albab,  
Berminda Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik,*

*Hafalan al-Quran seumpama makanan yang mencetus kenikmatan  
Sunnah Nabi penambah rasa kelazatan  
Berkatnya 30 juzu' al-Quran itu membuahkkan bibit-bibit kejayaan,  
Melakar kecemerlangan menjangkaui kemampuan,*

*Dahulunya eksperimentasi, kini mencetus evolusi,  
mereka yang sangsi hanya mampu mengunci diri,  
bayangan impian kini semakin menghampiri,  
al-kindi moden bukan lagi khayalan imaginasi  
apatah lagi pengganti al-khawarizmi*

*Pendidikan negara dinaungi, membuka lembaran transformasi  
membuka dimensi, mencanai inovasi, merangka strategi, mengecap aspirasi,  
Dalam melahirkan modal insan berperibadi tinggi*

*Manifestasi ilmu sepanjang hayat sudah diterjemah,  
Dalam sebuah pengembaraan yang tiada berpenghujung,  
Mencedok setitis ilmu dalam tujuh lautan ilmu Tuhan,  
Buat bekalan ke hari muka, mengadap Ilahi Yang Maha Esa,*

*Iqra', Satu Perjalanan... yang tidak bernoktah.*

**Nukilan  
Mohd Afifullah Ahmad**

# Perasmian Pusat Islam UMT

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman, Canselori-Penerbit UMT

**B**ukan sahaja reka bentuk bangunannya tersergam indah, tetapi ia bakal menjadi pusat pengembangan ilmu dan tumpuan warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang beragama Islam dan juga komuniti di persekitaran kampus UMT. Bangunan Pusat Islam UMT ini bakal menjadi tempat ibadah dan juga pusat ilmu. Pusat Islam ini juga bakal menjadi mercu tanda baharu kampus UMT.

Bangunan Pusat Islam UMT ini telah dibuka secara rasmi pada tanggal 22 April 2015 bersamaan 3 Rejab 1436H. Pembukaan ini mencatat detik bersejarah yang tersendiri buat seluruh warga UMT. Pada Majlis Perasmian Pusat Islam UMT ini juga turut diadakan Solat Zohor Pertama dan solat Hajat untuk memohon keberkatan daripadanya. Majlis ini menjadi lebih bermakna buat warga UMT apabila ia turut dihadiri oleh Naib Canselor UMT yang baharu, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar. Beliau turut hadir bersama-sama warga UMT mengadakan solat Zohor, solat hajat dan bacaan Yassin.

Solat Zohor pertama Pusat Islam diimankan oleh pendakwah terkenal Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid. Ustaz Don juga telah menyampaikan kuliah Zohor dengan tajuk; "Love You Mr. Masjid."

Bangunan Pusat Islam juga akan turut menyediakan kemudahan ruang solat, bilik-bilik kelas pengajian kendalian Pusat Islam dan juga gerai-gerai yang menjual pelbagai produk Muslim.



Naib Canselor UMT yang baharu, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar turut hadir bersama Pegawai-pegawai Utama dan warga UMT yang lain di Pusat Islam.



Ustaz Don mengiimamkan solat.





Pelajar dari Eropah di Institut Oseanografi dan Sekitaran UMT turun menemui pelajar Sekolah Kebangsaan IPG Kampus Dato' Razali Ismail bagi menerapkan kesedaran dan kempen menghargai alam sekitar.



MEDIA KREATIF



14 Mei 2015- YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT bergambar bersama penyelidik dan produk masing-masing di Majlis Inovasi UMT 2015.



20-21 Mei 2015- Pelajar SMK Lembah Bidong, Setiu, Terengganu yang terlibat dengan Program Einstein Junior Physics Camp anjuran Kelab Mahasiswa Fizik UMT.



25-26 Mei 2015- Penyelidik-penyelidik dari Universiti of Tokyo dan Kitasato University telah melakukan lawatan ke Makmal AKUATROP serta Makmal IMB UMT.







20 Mei 2015 NC UMT dianugerahkan gelaran "CENDEKIAWAN PERKASA" oleh Majlis Kebajikan Pelajaran Besut.



14 Mei 2015- YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT melawat pameran selepas melancarkan Majlis Inovasi UMT 2015 bertempat di Dewan Sultan Mizan.



17 Mei-17 Jun 2015- Pameran Penerbitan Penyelidikan Berimpak Tinggi UMT 2015 di ruang legar Kompleks Siswa UMT yang memaparkan pengiktirafan kepada para penyelidik UMT yang berjaya membawa kredibiliti penerbitan penyelidikan ke tahap yang lebih tinggi bagi tahun 2014.



24 Mei 2015- YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT melancarkan Program Magnet Rezeki anjuran Pusat Islam UMT. Program Magnet Rezeki mendapat sambutan yang menggalakkan dengan meraih penyertaan peserta melebihi 1000 orang yang terdiri dari warga UMT dan masyarakat sekitar Terengganu.



# Dialog

## BAHASA MELAYU NUSANTARA

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman, Canselori-Penerbit UMT

Usaha membahasa ilmunan bahasa Melayu sukar dilaksanakan oleh sesuatu negara sahaja kerana dunia hari ini adalah dunia pelbagai interaksi (*multi interaction and interface*). Untuk ini Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei khasnya amat perlu mewujudkan suatu gagasan serantau yang bergerak secara kolektif atau bersekutu dalam bidang peristilahan, terminologi sains dan teknologi serta pemupukan para universiti universiti serantau dalam suatu jaringan meningkatkan penyelidikan dan pembudayaan bahasa Melayu di peringkat tertinggi- Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim (2015).

Itulah pandangan dan saranan ikhlas YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim ketika membentangkan ucapnama beliau di Majlis Dialog Bahasa Melayu Nusantara: Integrasi Teknologi dan Bahasa di Universiti Brunei Darussalam, Brunei (UBD) pada 25 Mac 2015. Majlis dialog tersebut adalah anjuran bersama Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara yang berpusat di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan UBD. YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais juga merupakan Penaung Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara.

Dialog Bahasa Melayu Nusantara dianjurkan sebagai platform kesinambungan usaha yang telah dilakukan sebelum ini oleh Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara. Selain itu, majlis ini juga dilihat sebagai satu peluang bagi mewujudkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Brunei dalam aspek memartabatkan bahasa Melayu itu sendiri.

### Bahasa Melayu Bahasa Ilmu

Selain itu, YBhg Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais juga menyarankan



Barisan Tetamu kehormat, antaranya YBhg. Tan Sri Dato’ Seri Utama Dr. Rais Yatim yang duduk bersebelahan (kanan) dengan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato’ Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato’ Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

agar semua negara yang bertiang serikan bahasa Melayu/bahasa Indonesia berusaha gigih berjuang menjadikan bahasa Melayu/ bahasa Indonesia sebagai bahasa ilmu sekalipun bahasa Inggeris telah mendahului bahasa Melayu / bahasa Indonesia dalam hal ini. Tanpa usaha ini bahasa Melayu / bahasa Indonesia akan hanya berada di kawasan lobi bahasa kedua. Apabila bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu direalisasikan, sekali gus ia akan muncul sebagai bahasa kebudayaan atau bahasa kehidupan yang sebenar. Keadaan sekarang di mana bahasa Melayu dan bahasa Inggeris diletak pada paras dwi-bahasa dengan penekanan supaya bahasa Inggeris menjadi bahasa ilmu akan terus mengkenkudangkan bahasa Melayu kerana nilai ekonomi dan nilai teknologi kepada bahasa Melayu tidak diberi.

Beliau juga menggesa supaya kepakaran bahasa Melayu harus berada di wilayah Nusantara, tidak di Leiden, Hamburg atau di negara lain.

**“Pengajian peradaban Melayu serta penerbitan jurnal tertinggi dalam bahasa Melayu hendaklah dikendalikan sendiri oleh intelektual Nusantara bukan dan tidak oleh para sarjana di luar Nusantara...”-  
Tan Sri Rais**

Kata beliau lagi, “Sistem persekolahan kita harus mengambil kira jurusan ilmu yang perlu mengeluarkan buku-buku teks yang berasaskan ilmu. Pengajian peradaban Melayu serta penerbitan jurnal tertinggi dalam bahasa Melayu hendaklah dikendalikan sendiri oleh intelektual Nusantara bukan dan tidak oleh para sarjana di luar Nusantara yang hanya bermegah dengan kendalian ISI (*International Science Index*), SCOPUS dan pautan-pautan lain yang secara menggila hanya menumpukan perhatian kepada sains serta teknologi tanpa mengambil kira betapa pentingnya sains sosial yang mengandungi

semua bahan humanisme atau kemanusiaan.”

Majlis dialog usaha sama antara UBD dan UMT telah bertindak sebagai pentas perdebatan yang lebih utuh dan medium perbincangan isu martabat dan pemertabatan bahasa Melayu di IPT seluruh Nusantara masa kini.

**Cabaran ke arah kepupusan**

Manakala Mantan Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim Komoo yang turut menjadi panel pada majlis tersebut melontarkan pandangan mengenai status bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi, cabaran ke arah kepupusan.

Pada padangan beliau, “Bahasa Melayu Ilmu Tinggi secara asasnya bermaksud bahasa ilmu yang digunakan pada tahap universiti. Sebagai bahasa komunikasi di peringkat universiti, bahasa penjana ilmu baharu, bukan istilah baharu tetapi ilmu yang perlu mempunyai





*Sidang panel Majlis Dialog Bahasa Melayu Nusantara.*

istilah yang baharu, sama ada kita perlu mengguna istilah lain atau bahasa lain.

Bahasa penyampaian di kuliah dan persidangan dan di dialog, bahasa tulisan dalam jurnal, prosiding atau buku untuk ilmu pengajian tinggi.”

Namun kata beliau lagi, “Bahasa ini adalah hak milik bangsa Melayu yang ingin mengembangkan kepelbagaian bidang ilmunya. Dia bakal menjadi warisan bangsa Melayu Nusantara. Apakah yang nak ditinggalkan kepada anak-anak cucu kita? Dan salah satu warisannya ialah warisan bahasanya. Dia akan menjadi pembina dan pewaris tamadun berbahasa Melayu Nusantara.”

Kata YBhg. Profesor Emeritus Dato’ Dr. Ibrahim, “Jika kita tidak lagi mengembangkan bahasa ilmu, bahasa Melayu tinggi di peringkat universiti, memang dalam 10 tahun dan 20 tahun akan datang tidak akan ada lagi bahasa Melayu di peringkat pengajian tinggi dan tidak ada lagi pengembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Yang penting lagi kalau kita bandingkan dengan bangsa yang lebih kecil saiz

dan jumlah masyarakatnya seperti bahasa Korea, bahasa Jerman dan bahasa Jepun pun atau beberapa bahasa lain, mereka akan kekal jauh lebih lama daripada bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Jadi maruah dan keilmuan Nusantara. Kalau kita tidak melihat bahasa sebagai bahasa ilmu tinggi, kita akan kehilangan juga maruah dan keunggulan *scholar* di Nusantara.

Beliau berpandangan bahasa Melayu bahasa ilmu tinggi ke aras kepupusan kerana perkara-perkara berikut:

- Persepsi terhadap keupayaan membangun ilmu sains dan teknologi masih rendah.
- Ramai saintis Melayu di Malaysia menulis ilmu bidangnya di dalam bahasa Inggeris.
- Tiada kekuatan politik untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu ilmu tinggi ertinya kalau di dalam kenaikan pangkat ahli akademik kita hanya menitikberatkan tentang ISI sahaja tentulah ahli akademik akan menulis tentang bahasa dan kenaikan pangkat itu dalam

bidang kuasa *jurisdiction* Naib Canselor sahaja. Bukannya pun sampai ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

- Cabaran bahasa Inggeris sebagai bahasa global tunggal.
- Tiada gerakan bersepadu dalam memperjuangkan bahasa Melayu ilmu tinggi.

Bagi mengatasi permasalahan ini beliau menyarankan supaya kita memperkembangkan kerjasama antara universiti di Nusantara, bukan sahaja dalam bidang kebangsaan sahaja tetapi dalam semua bidang ilmu, projek-projek khas bahasa Melayu ilmu tinggi Nusantara umpamanya kita wujudkan satu kursus atau program bersama Majlis Bahasa Melayu Ilmu Tinggi Nusantara.

Selain itu, beliau menyarankan supaya mewujudkan *Open access* jurnal dalam bidang utama kalau kita wujudkan *open acces* jurnal dalam bidang atau bidang kesusasteraan, sains dan bidang sains kita boleh pecahkan dalam beberapa dan kita minta pakar-pakar ilmuwan menjadi editornya dan kita kembangkan maka



*Delegasi Malaysia dan Brunei yang terlibat dalam Majlis Dialog Bahasa Melayu Nusantara bergambar bersama tetamu kehormat.*

kita akan lihat perkembangan ilmu ini akan menjadi maju, penerbitan buku ilmiah bersama.

Membangun pangkalan data tulisan. Saya fikir ada ratusan ribu tulisan dalam bahasa Melayu yang saya maksudkan tulisan bahasa Melayu ilmu tinggi atau erti kata tulisan dalam prosiding atau di dalam jurnal-jurnal tempatan. Kalau ada usaha di Nusantara menyediakan satu pangkalan data dan kita boleh mencarinya melalui pangkalan data tersebut saya fikir ilmu yang dibangunkan di dalam bahasa Melayu, itu juga sudah cukup banyak. Sudah cukup banyak untuk kita buktikan keutuhan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi.

### **Evolusi dan Perkembangan bahasa**

Manakala panel ketiga majlis dialog tersebut, Pensyarah UBD, Dr. Yabit Alas memperkatakan mengenai evolusi dan perkembangan bahasa. Kata beliau, “Sains dan teknologi adalah fenomena moden yang tidak boleh dielak malahan mampu mengubah tamadun masyarakat serta pasti mengubah demografi, ekologi bahasa dan budaya. Teknologi yang ada ini jika tidak berhati-hati boleh mengubah identiti kita. Menyentuh

tentang bahasa, perubahan adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan kerana ia terjadi secara perlahan tetapi pasti.”

Katanya lagi, “Bahasa adalah entiti dinamik, terus berkembang dan berubah mengikut perkembangan zaman. Dalam sejarah kuasa besar di dunia kebanyakannya telah mengalami perubahan. Bahasa mengalami evolusi masing-masing yang memungkinkan bahasa-bahasa tersebut mampu bertahan dari zaman ke zaman.”

Dr. Yabit mengakhiri pandangannya dengan berkata, “Masyarakat kita adalah pengguna teknologi dan bukan pencipta. Jadi, sebaiknya bangsa kita menjadi pencipta teknologi agar dapat menerapkan bahasa serta citra bangsa kita.”

### **Pandangan Menteri Hal Elwal Dalam Negeri, Brunei**

Majlis Dialog Bahasa Melayu Nusantara: Integrasi Teknologi dan Bahasa telah disempurnakan majlis perasmianya oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato’ Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato’ Paduka Haji Awang Othman,

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam. Beliau dalam ucapannya berkata, “Sebagai bahasa yang mempunyai sejarah perkembangannya, bahasa Melayu Nusantara akan terus berkembang seiring dengan kepesatan globalisasi dan kecanggihan teknologi. Tinggal kita tingkatkan penggunaannya.

“Dengan meningkatkan penggunaannya itu diharap akan memungkinkan kemajuan berbahasa seperti melalui pembentukan berbagai variasi bahasa, pengayaan inventori leksikon, perancangan bahasa yang lebih strategik, dan tidak kurangnya ialah pengintegrasian dengan teknologi terutama dalam bidang penyelidikan.”

Majlis Dialog ini turut dihadiri oleh Setiausaha Tetap Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan merangkap Naib Canselor UBD, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain Haji Hanafi, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Awang Sahak Awang Salleh dan Naib-naib Canselor, Rektor dan wakil serta Ketua-ketua Pengarah dan Pegawai Kanan.



# Tambatan Mesra Kampus Tangani Banjir dan Hakisan

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid,  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK)

Foto: Mokhtar Ishak  
Pusat Komunikasi Korporat (PKK)

Fenomena banjir yang melanda di musim tengkujuh mengakibatkan kampus Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terjejas disebabkan laluan utama ditenggelami air, kerosakan kepada bangunan dan peralatan pengajaran serta menyebabkan persisir pantai terhakis dengan teruk. Sehingga kini, sepanjang 50-80 meter jajaran pantai UMT direkodkan telah terhakis oleh ombak beberapa tahun kebelakangan ini.

**K**eadaan ini akan berubah dan bakal diatasi dengan pembinaan tambatan dan pengubahsuaian landskap semula jadi kepada kawasan tadahan dan kepungan air. Ia akan dibina untuk berkeupayaan menghalang kerosakan infrastruktur sedia ada dan menampung jumlah air yang besar ketika banjir melanda. Sistem perparitan juga akan dibina pintasan laluan supaya impak peningkatan aras air tidak terlalu mendadak jika ada limpahan yang luar biasa, memandangkan kampus UMT merupakan saluran laluan utama dari kawasan sekitar Gong Badak dan Gong Datuk menuju ke Laut China Selatan. Projek ini dirancang dengan

teliti bersifat kelestarian dan mesra alam, agar persekitaran semula jadi kampus terus terpelihara dan tidak mengganggu ekosistem yang telah wujud.

Sistem amaran awal juga bakal dibangunkan bagi meningkatkan sebaran tanda kecemasan dan pelan tindakan semasa banjir, dipertingkatkan bagi melindungi keselamatan warganya dan harta benda awam.

Ilham konsep pembinaan ini dicetuskan sendiri oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, yang mengetuai *Special Task Force* bersama tenaga pakar bidang kejuruteraan UMT yang lain,

antaranya Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh, Prof. Madya Dr. Mohammad Fadhli Ahmad dan Dr. Edlic Sathiamurthy.

Projek pembinaan tambatan ini kelak akan berperanan utama sebagai penghalang kepada kerosakan besar harta benda kerajaan dan perlindungan keselamatan kepada para pelajar, pekerja dan orang awam. Lebih menarik apabila pembinaan ini turut mengambil kira manfaat yang diperolehi dalam aspek pembelajaran dan pengajaran sebagai makmal luar kelas atau tapak penyelidikan asas kepada pelajar dan agensi berasaskan kejuruteraan yang berkaitan. Projek menambak dan membaik pulih pantai akibat hakisan juga giat dilaksanakan pada masa ini





*Salah satu projek tambatan banjir yang telah dilaksanakan di kampus UMT.*



*Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar memberi penerangan kepada Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBhg. Profesor Dato' Dr. Asma Ismail yang hadir meninjau keadaan kampus UMT baru-baru ini.*

**“Ilham konsep pembinaan ini dicetuskan sendiri oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar, yang mengetuai Special Task Force bersama tenaga pakar bidang kejuruteraan UMT”**

oleh Jabatan Parit dan Saliran (JPS) di sepanjang pantai Tok Jembal – Mengabang Telipot melalui projek sedia ada oleh Kerajaan Negeri Terengganu.

Pembinaan ini melibatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Jika permohonan projek ini diluluskan, ia bakal menjadi antara projek pembinaan yang terbesar di dalam kampus. Pembinaan ini sewajarnya juga akan dimanfaatkan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran selain daripada fungsi utamanya untuk melindungi harta awam dan keselamatan warga kampus.



*Pemandangan dari udara projek tambatan banjir yang sedang dilaksanakan di kampus UMT.*



# Ekspedisi Saintifik UMT: Selat Melaka 2015

oleh: Profesor Dr. Zulfigar Yasin  
Ketua Pelayaran  
Ekspedisi Saintifik Selat Melaka 2015

Universiti Malaysia Terengganu telah mengadakan Ekspedisi Saintifik Selat Melaka bermula pada 19 Januari 2015 di mana Kapal Penyelidikan UMT RV Discovery telah berlepas dari Jeti Marina Duyong, Kuala Terengganu menuju ke Pulau Perak, Langkawi dan selamat berlayar pulang semula ke Kuala Terengganu pada 4 April 2015.

Ekspedisi selama 80 hari ini telah singgah di enam pelabuhan sepanjang menyusuri Laut China Selatan dan Selat Melaka. Ekspedisi yang merangkumi lapan seksyen

penyelidikan telah berjaya mengumpulkan 49 orang saintis kesemuanya sepanjang pelayaran berlangsung yang diketuai oleh Profesor Dr. Zulfigar bin Yasin.

Ekspedisi Saintifik UMT ini merangkumi tujuh bidang besar kelautan iaitu ekologi terumbu karang, penyelidikan mamalia marin, sains bentos dan sedimentology, sains perikanan, kualiti persekitaran marin, plantologi dan sains *remote sensing*.

Dapatan awal penyelidikan menunjukkan status laut Malaysia mengalami perubahan penurunan liputan terumbu karang di Langkawi,

**Pemilihan Selat Melaka sebagai hub penyelidikan ekspedisi saintifik UMT pada kali ini adalah kerana Selat Melaka merupakan laluan utama dagangan maritim dunia yang diancam pencemaran. Namun begitu, Selat Melaka merupakan tunjang dan kawasan penting perikanan dan akuakultur kepada Malaysia dan negara sekitar.**



*Antara saintis dan krew kapal yang terlibat dengan Pelayaran Ekspedisi Saintifik Selat Melaka 2015.*



*Kerjasama penyelidikan antara UMT dan juga USM.*



*Ketua Pelayaran Ekspedisi Saintifik Selat Melaka 2015, Profesor Dr. Zulfigar Yasin memberi penerangan kepada pelajar-pelajar sekolah.*



*Penerangan fungsi kapal RV Discovery oleh kapten kepada pihak USM.*



*Pegawai Sains UMT memberi penerangan kepada pelajar-pelajar sekolah.*





*Ekspedisi ini memberi ruang kepada komuniti mengenali RV Discovery dan juga UMT.*

dan rekod baharu lintasan kumpulan lumba-lumba di Selat Melaka.

Sepanjang ekspedisi ini berlangsung, Universiti Malaysia Terengganu telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada beberapa Kementerian Malaysia di bawah agensi Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Taman Laut Malaysia, Bahagian Sekolah Berasrama Penuh Kementerian Pendidikan Malaysia, Polis Marin PDRM, Kumpulan Johor Biotech, Universiti Sains Malaysia dan beberapa agensi swasta yang lain.

Sepanjang ekspedisi ini singgah di enam pelabuhan, Kapal Penyelidikan RV Discovery telah dilawati oleh 17 buah Sekolah Berasrama Penuh, 5 buah Sekolah

Harian, 4 buah Kolej Matrikulasi dan 3 buah rumah anak yatim.

Pemilihan Selat Melaka sebagai hub penyelidikan ekspedisi saintifik UMT pada kali ini adalah kerana Selat Melaka merupakan laluan utama dagangan maritim dunia yang diancam pencemaran. Namun begitu, Selat Melaka merupakan tunjang dan kawasan penting perikanan dan akuakultur kepada Malaysia dan negara sekitar.

Hasil penemuan dari penyelidikan ekspedisi ini diharapkan dapat membantu negeri Terengganu dan rakyat pesisiran dalam menangani isu-isu besar seperti keselamatan makanan, arah perubahan alam marin, kesan pertukaran iklim ke atas Terengganu khususnya dan negara secara amnya.

**Info:**  
Tempoh pelayaran **80** hari  
**49** saintis terlibat









# “*Make It Happen*”

## PPPA usahakan, UMT capai **Tier 5**

oleh: Qurratul Ainiyah Kablib,  
Abdullah Wan Jaapa,  
Normah Muhammad,  
Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik



Pusat Perancangan dan Pembangunan Akademik (PPPA) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2013 menerusi penambahbaikan struktur Sistem Sokongan Universiti Malaysia Terengganu dengan matlamat untuk memberikan fokus kepada perancangan dan pembangunan program pengajian baharu serta penambahbaikan berterusan terhadap program akademik sedia ada. Sebelum ini, PPPA lebih dikenali sebagai Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik (PKPA).

Pada tanggal 1 Januari 2015, PPPA juga telah menerima pelantikan Profesor Dr. Hamdan bin Suhaimi sebagai Pengarah yang berkuat kuasa selama dua tahun. Semoga dengan

**“Memastikan kualiti program akademik yang ditawarkan selaras dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia dan MQA”**

pelantikan beliau ini PPPA dapat menjalankan tugas dengan semangat dan iltizam yang tinggi. “Make It Happen” adalah moto PPPA yang memastikan setiap tanggungjawab dan tugas yang diberikan dapat dilaksanakan dengan sempurna bagi menepati visi dan misi UMT dalam menuju kecemerlangan.

Menerusi transformasi akademik, PPPA juga diberi kepercayaan penuh oleh Pihak Pengurusan UMT

untuk memastikan kualiti program akademik yang ditawarkan selaras dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia dan MQA. Di samping itu juga, PPPA bertindak untuk mengenal pasti program akademik baharu selari dengan bidang tujahan UMT. Justeru, pada tahun 2015 sebanyak lima program pengajian baharu telah dikenal pasti iaitu Sarjana Muda Teknologi (Seni Bina Kapal dan Sistem Marin), SM Teknologi (Pesisir dan Luar Pantai), SM Kewangan, SM Perikanan (Kelestarian Sumber), SM Perikanan (Industri Perikanan) selaras dengan hala tuju UMT yang menekankan program tempatan dan antarabangsa yang berfokus, relevan, berkualiti, menepati pasaran tinggi



dan berimpak tinggi (memenuhi keperluan antarabangsa dan menjadi pilihan kepada pelajar cemerlang tempatan dan antarabangsa).

PPPA juga digerakkan dengan penubuhan kluster untuk melancar dan memantapkan pengajian dan pembelajaran. Terdapat lima program kluster yang sedang dilaksanakan antaranya ialah;

- **Kod Etika Akademia** – Merangka Kod Etika Akademik yang akan diguna pakai oleh UMT dan hal lain yang berkaitan dengan keperluan Kod Etika Akademia.
- **Dasar, Polisi, Peraturan Pengajaran dan Pembelajaran** – Menyemak serta menambah baik

peraturan-peraturan akademik bagi pra dan pascasiswazah UMT.

- **Kaedah pengajaran dan pembelajaran** – Merancang dasar-dasar berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran terutamanya konsep-konsep baharu seperti *E-learning, Learning Space and Environment, Blended Learning* dan *Open Learning (MOOC)*.
- **Program Pengajian** – Mengendalikan keperluan bagi setiap Program Pengajian UMT serta memastikan keperluan Program pengajian selaras dengan arahan KPM.

**“PPPA berharap agar dapat menjadi salah satu pusat akademik yang menyumbang kepada kecemerlangan Universiti Malaysia Terengganu di peringkat tempatan dan juga antarabangsa”**





- **Blueprint** – Merangka program-program pengajian yang berpotensi untuk dikontinumkan selaras dengan keperluan semasa.

Di samping penubuhan kluster-kluster ini, PPPA juga diberi kepercayaan untuk melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang dibangunkan oleh MQA. Pada tahun 2013, UMT telah memperolehi *Tier 4* (Sangat Baik) & tahun 2015, meningkat kepada *Tier 5* (Cemerlang) setanding dengan Universiti Awam seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan beberapa universiti berstatus *Research University* (RU). Beberapa cabaran yang dilihat menjadi faktor PPPA dalam menyediakan dokumen SETARA ini adalah seperti kekurangan staf, kegagalan penyediaan dokumen yang lengkap di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) yang terlibat dan beberapa isu-isu yang boleh membantutkan proses berkenaan.

Dengan itu PPPA berharap agar dapat menjadi salah satu pusat akademik yang menyumbang kepada kecemerlangan Universiti Malaysia Terengganu di peringkat tempatan dan juga antarabangsa.

Pengarah PPPA, Profesor Dr. Hamdan Suhaimi mengiringi YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Haji Mokhtar dalam salah satu bengkel anjuran PPPA.



# Pertukaran Pelajar antara UMT dengan Taylor's University



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



TAYLOR'S  
UNIVERSITY

Wisdom • Integrity • Excellence

oleh: Harisom Anida Musa  
Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zabirah

Lanjutan daripada Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan pihak Taylor's University yang telah dimeterai pada Januari 2015, UMT kini meneruskan kerjasama strategik dengan melaksanakan projek bersama iaitu penetapan Program UMT-Taylor's. Kedua-dua belah pihak akan mengkaji pelaksanaan program dan mengadakan sesi lawatan oleh Pusat Tanggungjawab (PTj)/ Ketua Projek/ Program TEP, *Survival* laut dan *World Ocean Week* (WOW).

UMT-Taylor's juga akan melaksanakan program pelancongan dan pertukaran pelajar perakaunan. Program yang dikenali sebagai Program Mobiliti dan Pertukaran Pelajar Perakaunan UMT (*Bachelor in Accounting*) ke Taylor's University (*Bachelor of Arts (Hon) Accounting & Finance*). Pertukaran pelajar akan berasaskan modul yang berkaitan dan pelajar akan melalui proses pertukaran dalam beberapa minggu. Program pertukaran ini akan bermula pada pengajian September 2015.

Selain itu, UMT-Taylor's juga akan melaksanakan penilaian pensyarah berasaskan Model ESPP (UMT) dan TEP (Taylor's). Manakala pelajar UMT juga boleh menjalani


latihan praktikal di Taylor's university dan begitu juga sebaliknya.

Pelaksanaan program ini adalah selaras dengan kehendak Program Kerjasama Strategik Institut Universiti Awam dan Universiti Swasta yang merupakan saranan dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM) untuk mewujudkan jaringan rakan strategik antara Universiti Awam dan Universiti Swasta berkonsepkan *Public-Private Partnership* (PPP). Ia memberikan ruang dan peluang kepada Universiti Awam dan Universiti Swasta bekerjasama dalam usaha melaksanakan penanda aras pengantarabangsaan dan kecemerlangan akademik pengajian tinggi Malaysia.

Kerjasama strategik ini dilaksanakan dengan objektif untuk menjadikan Malaysia sebagai satu hub pendidikan di wilayah serantau dan juga di peringkat global. Ia juga bertujuan untuk menyediakan platform kepada perkongsian idea, perancangan strategik serta pertukaran pandangan kepakaran demi mencapai kecemerlangan akademik, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta kebolehpasaran graduan tinggi di samping pertukaran program mobiliti dan tanggungjawab sosial kedua-dua buah universiti.

UMT dan Taylor's University merupakan pencetus dan pelopor kepada hasrat kerjasama strategik pendidikan awam dan swasta serta menjadikan universiti pilihan utama. Pemilihan Taylor's University sebagai rakan kerjasama adalah kerana faktor pencapaian Kebolehpasaran Graduan (GE) yang mencapai 85% mendapat pekerjaan selepas bergraduat oleh para pelajar dari Taylor's University. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengiktiraf Taylor's University dengan penarafan Tahap (*Tier*) 6 dalam Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (*Discipline-Based Rating System, D-SETARA*). Justeru, Taylor's University dilihat sebagai rakan penanda aras yang memberi impak tinggi dalam usaha meningkatkan sistem pendidikan di UMT. Melalui kerjasama tersebut, ia akan memberikan manfaat kepada UMT dan Taylor's University terutamanya dalam pertukaran kepakaran staf dan pelajar, perkongsian pengetahuan dalam pembangunan *e-Learning*, hubungan kerjasama strategik dalam kebolehpasaran graduan, aktiviti penyelidikan dan pemindahan ilmu.





# Kenal Pasti *Greenpreneur* Komuniti Pinggir Tasik Kenyir 2015

oleh: Norbayati Ab Manaf  
Pusat Pembangunan Sosioekonomi, Institut Penyelidikan Kenyir

Ekspedisi Mengenal Pasti *Greenpreneur* Komuniti Pinggir Tasik Kenyir telah dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Sosioekonomi (CSD), Institut Penyelidikan Kenyir (IPK) pada 26 Mac 2015 di Hulu Terengganu. Ia diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat dan data komuniti yang

menjalankan projek *greenpreneur* serta aktiviti pendokumentasian bagi setiap produk komuniti yang berpotensi untuk dikomersialkan.

Ekspedisi ini memfokuskan kepada dua produk *greenpreneur* iaitu produk susu masam kerbau di Kampung Buluh dan projek fertigasi timun batang di Kampung Basong,

Hulu Terengganu. Ia telah melibatkan agensi dari Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU), MARDI, Jabatan Pertanian dan Pejabat Daerah Hulu Terengganu bagi penyaluran maklumat berkenaan bantuan nasihat atau dana yang boleh dimohon oleh mereka.





Lawatan ke tapak projek penghasilan susu masam daripada kerbau di Kg. Buluh.



Antara produk yang dihasilkan menggunakan susu kerbau di Kg. Buluh.



Antara produk yang dihasilkan menggunakan susu kerbau di Kg. Buluh.

Objektif utama ekspedisi ialah mengumpulkan profil asas mengenai latar belakang perusahaan dan produk *greenpreneur* dari kampung-kampung terpilih sekitar Tasik Kenyir untuk kajian selanjutnya di peringkat UMT, mengenal pasti *greenpreneur* serta produk *green* yang berpotensi dikomersialkan ke peringkat setempat, nasional dan antarabangsa dan membina rangkaian dan hubungan dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam sektor berkaitan dengan *greenpreneur*. Seramai lapan orang penyelidik dan tujuh orang staf UMT serta lima orang wakil dari agensi yang terlibat dalam ekspedisi ini.



# Kejohanan KPM@ UMT Triathlon 2015

*Bersukan dan Dekati  
Alam Semula Jadi*



oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman  
Foto oleh: Mokhtar Isbak (PKK)  
Canselor

**P**usat Sukan dan Rekreasi Universiti Malaysia Terengganu bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menganjurkan Kejohanan KPM@UMT Triathlon 2015 bertempat di Tasik Kenyir, Terengganu pada 23 hingga 24 Mei 2015. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, YBhg. Profesor Dr. Anuar Hassan telah menyempurnakan majlis perasmian. Peserta berlari, berenang dan berbasikal untuk menamatkan kejohanan ini. Kejohanan ini juga memberi peluang kepada peserta bersukan sambil menikmati keindahan alam semula jadi di Tasik Kenyir.



Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT, YBhg. Profesor Dr. Anuar Hassan menyampaikan hadiah kepada kumpulan yang dipilih sebagai Naib Johan.



Kumpulan yang menang di kejohanan tersebut.



# RENUNGAN

## *Jom sedekah*

Allah SWT sangat menggalakkan agar setiap pemberian yang ingin kita sumbangkan itu adalah harta yang paling kita sayang sebagaimana maksud ayat dalam Surah Ali Imran: 29;


*“Kami sekali-kali tidak akan mencapai kebajikan (al-birr) yang sebenar sehingga kamu belanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan dari sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui.”*

Sabda Rasulullah SAW. Maksudnya:

*“Apabila mati seseorang anak Adam itu, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang selalu mendoakan kepadanya.” -H.R.Muslim.*

Pusat Islam  
Universiti Malaysia Terengganu





### ***IQRA' SATU PERJALANAN***

*Pengarang : Noraien Mansor*

*ISBN : 978-967-0524-78-8*

*Tahun : 2015*

*Synopsis :*

*IQRA'* yang membawa maksud "Bacalah" bukan sekadar membaca tetapi membawa kita menyelami hingga ke dasar maksud yang diperintah Allah SWT. agar manusia serius menuntut ilmu sebagai satu tanggungjawab dan kewajipan. *IQRA' SATU PERJALANAN* memaparkan penerokaan kegemilangan pendidikan yang menjadi kecintaan YB Dato' Seri Idris Jusoh melalui pengalaman dan penglibatan beliau dalam pendidikan sepanjang hayat, *IMTIAZ School of Excellence* serta usaha mumi beliau menerapkan konsep Ulul Albab demi memburu keseimbangan antara pembangunan akademik dan akhlak pelajar.



### ***KEROPOK LEKOR TERENGGANU ENGLISH EDITION***


*Author : Noraien Mansor*

*ISBN : 978-967-0869-98-8*

*Year : 2015*

*Synopsis :*

*Keropok Lekor Terengganu* brings you a glimpse of keropok lekor (Malaysian style fish sausage) industry, a Terengganu local heritage which rapidly emerge on its land. Making keropok lekor is unknown to many but the wonderful taste comes from fish meat. *Keropok Lekor Terengganu* addressed the making process of keropok lekor till it penetrates into the global market. This book also emphasized on researches based on keropok lekor industry in Terengganu conducted by Universiti Malaysia Terengganu researchers. Prior to the government aspiration to become a halal hub food production, this book is an effort to the government calls to step forward into halal global market.



### ***MATHEMATICAL ECONOMICS WITH APPLICATION***


*Author : Nik Hashim Nik Mustapha*

*ISBN : 978-967-0524-87-0*

*Year : 2015*

*Synopsis :*

The most likely question asked by students studying economics and social sciences is that, what is mathematical economics? Is it a specialized field of economic major with mathematics as the ultimate emphasis? Mathematical economics has become increasingly useful as a tool by a large number of economists for the general understanding of the social-economic problems and phenomena. This book is the perfect reference for applied economists and anyone who would like to understand how economists can be a player in a the national game to recommend solutions to problems related to the practical agricultural and resource economics.



### ***ANALYTIC HIERARCHY PROCESS BASED METHODS AND ITS APPLICATIONS***

*Author : Mohd Lazim Abdullah*

*ISSN : 978-967-0524-85-6*

*Year : 2015*

*Synopsis :*

In this book, a wide range of fuzzy mathematical technique of AHP and its applications is described such as fuzzy set theory, intuitionistic fuzzy set theory, interval-valued intuitionistic fuzzy set theory and interval type-2 fuzzy set theory. The book is mathematically arranged and written in a simple way that all materials and concepts accessible for the students and researchers in any kind of fields. The procedure is illustrated and demonstrated by case studies in different types of applications. These case studies are essentially important for readers to guide them in comprehending the procedural knowledge of AHP based methods easily.